

# Berita Manmin

NO. 22 16 APRIL 2023

## ‘Perjumpaan Doa Roh Kudus’ bersama Puan Boknim Lee yang dianjurkan oleh Perhimpunan Wilayah Pusat



Pada 23 Februari pukul 8:00 malam. ‘Perjumpaan Doa Roh Kudus’ yang dianjurkan oleh Perhimpunan Wilayah Pusat Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus diadakan di Gereja Manmin Daejeon dengan Puan Boknim, pengarah Pusat Doa Manmin sebagai pengkhotbah.

Perjumpaan doa itu yang dipengerusikan oleh Pendeta Cheolsoo Jeong, presiden Perhimpunan Wilayah Pusat dihadiri oleh para pastor dari gereja-gereja Manmin Daejeon, Cheon-an, Cheongju, Seosan, Gongju, Asan, Chuncheon, dan Sarang.

Puan Boknim Lee berkata dalam khutbahnya, “Jika

anda berasa tidak selesa atau kecewa dengan seseorang, ini merupakan tanda kekurangan kasih. Saya berharap agar anda akan mencapai kasih yang berkelimpahan dengan menyedari hukum dunia rohani bahawa hanya apabila anda berubah dan memahami serta mengasihi orang lain, barulah orang lain juga akan berubah.

Kemudian, beliau menyentuh dengan sapu tangan kuasa dan berdoa untuk setiap orang pada waktu pujian dan doa. Waktu itu merupakan waktu rahmat untuk para peserta menyedari diri mereka, bertaubat dengan air mata, dan dipenuhi dengan Roh Kudus.

## Majlis Graduasi Seminari Kesucian Bersatu ke-31 dan Majlis Graduasi MIS (Seminari Antarabangsa Manmin) ke-16

Pada 16 Februari pada pukul 2:00 petang, majlis graduasi Seminari Kesucian Bersatu yang ke-31 dan majlis graduasi MIS (Seminari Antarabangsa Manmin) yang ke-16 telah diadakan.

Majlis itu dipengerusikan oleh

Diaken Kanan Johnny Kim, profesor Seminari Kesucian Bersatu. Selepas doa perwakilan oleh Profesor Geumsun Vin dan lagu khas oleh Diaken Seungwon Seo, pengetua Pastor Shinhyun Moon menyampaikan khutbah yang

bertajuk “Marilah kita menjadi karya agung Tuhan” (Amsal 16:2-3).

Selepas itu, majlis diteruskan dengan penyampaian laporan kemajuan akademik oleh pengerusi, penyampaian diploma, penyampaian plak pengerusi, bacaan surat penghargaan daripada wakil graduan, ucapan berkat dan penutup.

MIS (Seminari Antarabangsa Manmin) pada tahun ini menghasilkan graduan dari Rusia, Moldova, dan Armenia.





## “Kesakitan pada kedua-dua lengan saya telah hilang sepenuhnya.”

Monica Higuera (Usia 41, Gereja Manmin Colombia)



Pada bulan Disember 2021, saya mengalami kesakitan yang teruk pada kedua-dua lengan. Apabila saya mengangkat atau memindahkan sesuatu barang, tulang-tulang saya berbunyi.

Sukar untuk saya melakukan kerja rumah seperti mencuci pinggan dan mengemas. Saya juga mengalami kesukaran untuk mengangkat sesuatu benda yang tidak terlalu berat. Kesakitan pada kedua-dua lengan saya menyebabkan saya berasa tidak selesa tidak kira apa yang saya lakukan dan saya perlu mendapatkan bantuan daripada orang sekeliling saya dalam banyak perkara.

Pada bulan Januari 2022, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi untuk menerima kesembuhan dengan iman. Namun begitu, saya tidak sembuh. Oleh itu, saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel Khas 21 Hari yang dianjurkan oleh Gereja Manmin Colombia dan mempersiapkan diri saya dengan doa bersungguh-

sungguh untuk menerima kesembuhan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mac.

Tuhan Yang Maha Kasih telah memberi saya banyak rahmat apabila saya berdoa dengan bersungguh-sungguh. Saya sedar bahawa saya tidak mentaati firman Tuhan, dan saya ingat bahawa saya tidak mendaftar sebagai pesakit dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Januari. Saya bertaubat dengan segenap hati saya atas kesedaran yang diberikan oleh Tuhan. Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk menerima kesembuhan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mac.

Pada bulan Mac 2022 iaitu hari Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya menghidirinya melalui saluran YouTube Gereja Manmin Colombia. Akhirnya, apabila Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan berdoa untuk orang sakit, saya berasa tubuh saya panas, terutamanya lengan dan muka saya.

Sejak itu, saya dipenuhi Roh Kudus dan saya yakin bahawa Tuhan telah menyembuhkan saya kerana saya dapat melakukan segala-galanya seperti biasa selepas menerima doa. Tiada kesukaran dan tiada kesakitan lagi dalam membersihkan sesuatu atau mengemas katil. Haleluyah!

Pada petang itu, apabila suami saya pulang, saya mengatakan bahawa saya telah sembuh selepas menerima doa dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Kemudian, suami saya bergembira bersama anak-anak perempuan saya. Hal ini kerana suami saya telah melihat betapa saya menderita.

Melalui pengalaman ini, saya menjadi yakin bahawa jika saya bersedia dan mendambakan sesuatu dengan sepenuh hati saya, Tuhan menjawab semua doa saya. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus Yang Maha Kasih yang mahu memberikan perkara-perkara yang baik kepada anak-anak-Nya.

### Pembukaan Akademi Kebudayaan Manmin

Pada 11 Mac, Akademi Kebudayaan Manmin yang ditubuhkan untuk kehidupan Kristian yang gembira dan bahagia bagi semua anggota Manmin telah dibuka.



Penggal pertama akademi pada tahun 2023 akan diadakan seminggu sekali selama 10 minggu sehingga 12 Mei dengan kelas vokal, gitar, tarian, fotografi dan gubahan bunga.

### Majlis Anugerah Kecemerlangan 2022

Dalam Ibadat Petang Ahad pada 26 Februari, ‘Majlis Anugerah Kecemerlangan’ diadakan untuk setiap bidang pada tahun 2022.

Penerima anugerah merupakan orang yang telah dengan setia memenuhi tugas yang diberikan oleh Tuhan selama setahun dan telah mencapai kebangkitan gereja atau telah diiktiraf atas pencapaian mereka dalam pelbagai bidang.

Dalam majlis itu, seramai 23 orang telah dianugerahkan sebagai ketua daerah, ketua subdaerah, ketua sel, ketua kumpulan misi, ketua dan penyokong kumpulan kecil, sukarelawan ibadat, pekerja Lewi dan sukarelawan yang cemerlang.







Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Orang tanpa Keselamatan walaupun Mereka Mengaku Iman kepada Tuhan

“Tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga” (Matius 7:21).  
 “...Tetapi ada dosa yang mengakibatkan orang kehilangan hidup itu. Aku tidak berkata bahawa kamu harus berdoa kepada Allah tentang hal itu” (1 Yohanes 5:16).

Dalam Matius 25, kita temui kisah lima orang gadis “bijak” yang menyediakan “pelita dan bekas yang penuh dengan minyak” dan lima orang gadis “bodoh” yang “tidak membawa minyak tambahan”. Pada masa ketibaan pengantin lelaki diumumkan, lima gadis yang bodoh pergi membeli minyak tetapi apabila mereka kembali, pintu ke balai perjamuan telah ditutup.

Di sini, sepuluh orang gadis itu melambangkan semua orang Kristian dengan harapan untuk masuk Syurga dan “pengantin lelaki” melambangkan Yesus Kristus. Pengajaran penting daripada kisah ini adalah bahawa daripada sepuluh orang gadis, hanya lima orang gadis “bijak” masuk ke balai perjamuan manakala lima orang yang lain tidak dapat. Seperti lima orang gadis tersebut, sesetengah orang Kristian tidak akan menerima keselamatan. Apakah jenis orang Kristian, antara orang yang mengaku iman mereka kepada Tuhan, akan gagal untuk menerima keselamatan dan masuk ke Syurga?

### 1. Orang yang Melakukan Kejahatan

Matius 7:21 menyatakan, “Tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga.”

Seterusnya dalam ayat 22 hingga 23, Yesus mengatakan: “Pada Hari Kiamat banyak orang akan berkata kepada-Ku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan, bukankah dengan nama Tuhan kami memberitakannya perkhawanan Allah? Bukankah dengan nama Tuhan kami mengusir roh jahat, serta melakukan banyak mukjizat? Tetapi Aku akan menjawab, ‘Aku tidak mengenal kamu! Pergilah dari sini, hai kamu yang tidak mentaati Allah!’” Sekalipun orang mengaku iman mereka kepada Tuhan Yesus dan melakukan banyak mukjizat, Dia akan berkata, “Aku tidak mengenal kamu,” kepada semua orang yang “tidak mentaati Allah.”

Pada pengakhiran dunia ini iaitu pada Hari Penghakiman, Tuhan Yesus akan memisahkan semua orang yang tidak benar yang melakukan kejahatan dan menyebabkan orang lain berdosa, dan membuang mereka ke dalam tempat pembakaran yang berapi iaitu hukuman di Neraka (Matius 13:40-42).

Apakah yang dimaksudkan oleh Yesus dengan “tidak

mentaati Allah”? Seperti yang dinyatakan dalam 1 Yohanes 3:4, “Sesiapa yang berdosa, melanggar hukum Allah, kerana dosa itu pelanggaran terhadap hukum Allah,” pelanggaran terhadap hukum Allah atau dosa berpunca daripada pelanggaran hukum kebenaran iaitu Firman Tuhan sendiri. Orang yang melanggar hukum Allah ialah orang yang melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Alkitab; orang yang tidak menyingkirkan perkara yang diarahkan oleh Alkitab untuk disingkirkan; orang yang gagal untuk melakukan apa yang ditetapkan oleh Alkitab untuk dilakukan oleh mereka; dan orang yang tidak mengekalkan atau mematuhi apa yang diperintahkan oleh Alkitab untuk dikekalkan atau dipatuhi oleh mereka.

Alkitab menjelaskan hal ini dengan lebih lanjut dalam 1 Korintus 6:9-10, “Kamu tentu tahu bahawa orang yang tidak melakukan kehendak Allah tidak akan menikmati Pemerintahan Allah. Janganlah tipu diri kamu sendiri. Orang yang berbuat cabul, atau yang menyembah berhala, atau yang berzina, atau yang bersemburit, atau yang mencuri, atau yang tamak, atau yang selalu mabuk, atau yang mengumpat orang, atau yang merompak – semua orang seperti itu tidak akan menikmati Pemerintahan Allah.” Sekalipun seseorang mengaku iman kepada Tuhan, sekiranya dia terus melakukan kejahatan tanpa berpaling daripada dosa, dia tidak akan dapat mewarisi Syurga dan justeru itu berakhir di Neraka (Galatia 5:19-21).

Sesetengah daripada anda mungkin bertanya, “Jika seorang Kristian baharu bercakap bohong dan jika dia tidak dapat menerima keselamatan atas sebab pembohongan itu, berapa ramai orang yang benar-benar akan menerima keselamatan?” Sudah tentu hanya kerana seseorang baru sahaja menerima Tuhan Yesus, hal ini tidak bermaksud bahawa dia mampu untuk menyingkirkan semua dosanya dengan serta-merta. Walaupun orang itu tidak menyingkirkan semua dosanya, namun apabila dia berdoa, melakukan segala usaha dan dengan demikian berubah, Tuhan akan mengiktiraf usahanya itu sahaja sebagai bukti iman yang layak untuk diselamatkan.

Walau bagaimanapun, jika orang itu tidak cuba untuk menyingkirkan dosanya tetapi sebenarnya terus berbuat dosa dan menjadi lebih tenggelam dalam cara dunia, pengakuannya, “Aku percaya,” menjadi suatu pembohongan.

## 2. Orang yang Melakukan Dosa yang Membawa kepada Kematian

1 Yohanes 5:16 menyatakan, “...Tetapi ada dosa yang mengakibatkan orang kehilangan hidup itu. Aku tidak berkata bahawa kamu harus berdoa kepada Allah tentang hal itu.”

Kita hendaklah bersungguh-sungguh mendorong dan berdoa untuk orang yang melakukan dosa yang tidak membawa kepada kematian dan membantu mereka untuk berpaling daripada dosa. Namun begitu, terdapat juga dosa lain yang membawa kepada kematian. Apakah jenis dosa yang membawa orang kepada kematian?

Dalam Matius 12:31, Yesus mengingatkan kita dengan jelas, “Oleh itu ketahuilah, orang yang berbuat dosa ataupun mengatakan kata-kata kufur, akan diampuni. Tetapi sesiapa mengkufuri Roh Allah, tidak akan diampuni,” dan sekali lagi dalam Lukas 12:10, “Sesiapa yang menentang Anak Manusia dengan kata-katanya, dapat diampuni; tetapi sesiapa yang mengkufuri Roh Allah tidak dapat diampuni.”

“Mengkufuri Roh Kudus” merupakan mengkufuri atau melabelkan Roh Kudus sebagai “Si Jahat” atau “Iblis” serta menganggap kerja Tuhan seperti yang ditunjukkan oleh Roh Kudus sebagai kerja roh jahat dan Iblis.

“Mengganggu Roh Kudus” adalah dengan menghalang kerja Tuhan daripada berlaku melalui penafian seseorang tentang kerja Tuhan akibat kejahatannya sendiri walaupun selepas dirinya sendiri menyaksikan kerja Roh Kudus.

Sebagai contoh, menyebarkan khabar angin yang tidak berasas dan membuat tuduhan yang tidak berasas dengan memanggil jemaah yang dipenuhi kerja Roh Kudus sebagai “sesat” atau “salah” merupakan tindakan “mengganggu Roh Kudus.” Ini merupakan dosa yang besar dan menakutkan kerana ia mencabar Tuhan Maha Pencipta dengan campur tangan dan menghalang Pemerintahan Tuhan daripada dipenuhi.

Orang yang mengambil langkah ini dengan lebih jauh dan membuat rancangan jahat serta benar-benar melaksanakannya justeru itu memperhebat kekufuran terhadap Roh Kudus dengan melakukan dosa “berkata-kata menentang Roh Kudus”. Dalam Markus 3:20-30 ada satu adegan di mana orang Yahudi mengkufuri, mengganggu dan berkata-kata menentang Roh Kudus. Antara orang yang telah mendengar berita tentang Yesus, orang yang baik percaya kepada-Nya dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan. Orang yang jahat sebaliknya sibuk menghasilkan khabar angin yang jahat dan menyebarkannya. Usaha sedemikian secara ketara diterajui oleh guru Taurat dan Farisi yang angkuh dengan pengetahuan mereka yang

mendalam tentang Kitab Suci. Mereka berkata, “Dia sudah gila!” dan “Dia dirasuk oleh Beelzebul.”

Yesus memanggil mereka untuk datang kepada-Nya lalu menceritakan beberapa perumpamaan, “Bagaimana Iblis boleh mengusir Iblis? Negeri yang berpecah menjadi beberapa bahagian lalu saling bermusuhan, akan runtuh. Keluarga yang berpecah belah dan saling berlawanan, akan hancur. Oleh itu, jika kerajaan Iblis mempunyai golongan yang saling berlawanan, kerajaan itu tidak tahan lama dan pasti akan lenyap.” Hal ini demikian kerana ada aturan yang ketat sekalipun dalam dunia roh jahat. Roh jahat tidak diusir keluar oleh roh jahat orang lain, dan Iblis tidak mengusir keluar dirinya sendiri.

Tambahan pula, sebagaimana yang diteruskan oleh Yesus dalam ayat 28 hingga 29, “Ingatlah! Segala dosa yang dilakukan orang dan semua kata kufur yang diucapkan mereka, dapat diampunkan. Tetapi sesiapa yang mengkufuri Roh Allah, tidak dapat diampuni! Dia telah melakukan dosa yang kekal,” bagaimanakah seseorang dapat menerima keselamatan sekiranya dia mengkufuri, mengganggu dan berkata-kata menentang kerja Tuhan dan memanggilnya “kerja roh jahat”?

Tuhan yang adalah sama semalam, hari ini dan selamanya menunjukkan mukjizat dan perkara luar biasa bahkan pada hari ini melalui orang-orang yang berkenan kepada-Nya (Yohanes 4:48), dan Dia mengesahkan keberadaan dan kehadiran-Nya melalui mereka. Oleh itu, anda tidak boleh mengkufuri, mengganggu atau berkata-kata menentang Roh Kudus.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar melalui amanat ini anda akan faham bahawa seseorang mungkin tidak dapat menerima keselamatan walaupun dia mengaku imannya kepada Tuhan. Kita harus menjauhi jalan ini yang menuju kematian, dan tiba dengan selamat di Syurga dengan menempuh jalan yang lurus!

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07056)

<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manminhq@manmin.kr](mailto:manminhq@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

## Sorotan Khas

## 'Kebenaran Diri' yang menegaskan bahawa pegangan anda adalah lebih tinggi daripada orang lain.

Terdapat kebenaran duniawi, yang pastinya bertentangan dengan kehendak Tuhan. Kebenaran diri terbentuk atas dasar kebenaran ini. Tidak mudah untuk menyedari kebenaran diri kerana orang yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang kebenaran dan mempunyai iman untuk mempraktikkan kebenaran itu sehingga tahap tertentu mungkin telah membentuknya. Oleh sebab mereka dapat membuahkan hasil

dalam tugas mereka, mereka cenderung untuk menganggarkan tahap iman mereka secara berlebihan. Tanpa menyedarinya, mereka berfikir bahawa idea mereka adalah betul dan tindakan mereka adalah betul.

Kita harus sedar bahawa kebanyakan orang yang mempunyai kebenaran diri yang tinggi akan memecahkan kedamaian, dan kita harus berjaga-jaga tentang keangkuhan daripada kebenaran diri ini.

Apakah yang harus kita lakukan untuk berjaga-jaga tentang keangkuhan daripada 'kebenaran diri'?

Jika anda hanya mengumpulkan firman Tuhan dengan pengetahuan tetapi tidak memenuhinya dengan mengingatnya dalam minda, anda akan mempunyai keangkuhan tanpa anda sedari. Oleh itu, anda harus sentiasa cuba mendengar apa yang dikatakan oleh orang di sekeliling anda.

Jika tidak, dengan pemikiran bahawa anda mengetahui kebenaran, anda tidak dapat menyedari diri anda walaupun ketika berkata-kata atau melakukan perkara-perkara yang tidak sesuai dengan kebenaran. Oleh itu, tidak kira betapa betul sesuatu kelihatan betul bagi anda, sekiranya orang lain mengatakan tidak, anda perlu memikirkannya semula dan menelitinya dengan doa.

Anda juga perlu berfikir daripada perspektif pihak ketiga apabila sesuatu berlaku. Anda dapat membezakan sesuatu apabila anda melihatnya secara objektif. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu itu berlaku kepada anda, anda mungkin bertindak dengan kebenaran diri dan anda tidak dapat melihat keangkuhan anda.

### Kebenaran diri ditonjolkan dalam kehidupan seharian kita

#### ■ "Tidak mengikut aturan"

Kita harus merenung kembali untuk melihat jika kita ada melanggar aturan kerana kita mendambakan perkara-perkara rohani. Pemerintahan Tuhan telah didirikan dengan tepat berdasarkan aturan, jadi kita seharusnya dapat mematuhiya sesuai dengan aturan. Walaupun orang atasan lebih teruk daripada

anda, apabila anda melayani dan mematuhi dengan ikhlas, anda akan cuba untuk mencapai kerja Tuhan dengan lebih baik dengan membantu pihak atasan, kemudian Tuhan akan mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik dengan melihat ketaatan anda.

#### ■ "Motif mementingkan diri" dan "semangat yang berlebihan"

Anda harus ingat bahawa tugas yang diamanahkan kepada anda dalam Tuhan Yesus adalah untuk menyempurnakan pemerintahan Tuhan, bukan untuk harga diri, kehormatan, atau faedah. Walaupun orang lain diiktiraf atau dipuji, anda harus bersedia untuk mengalah jika ia dapat membuatkan pemerintahan

Tuhan dicapai dengan lebih besar. Walau bagaimanapun, jika anda tidak mengalah seolah-olah ia milik anda, jika anda mahu pencapaian anda didedahkan, dan jika anda berasa kecewa apabila tiada orang mengiktiraf kerja anda, ini merupakan motif mementingkan diri dan semangat yang berlebihan.

#### ■ "Hati yang lebih menghargai milik anda."

Anda harus menyingkirkan hati yang membuatkan anda lebih menghargai keluarga anda sendiri, dan menganggap barang-barang anda sendiri lebih berharga dan lebih penting. Oleh sebab anda mempunyai hati yang demikian, anda tidak dapat menganggap orang lain lebih baik daripada diri anda dan anda tidak dapat mengalah dengan orang lain. Oleh sebab

anda mahu memadamkan segala-galanya berdasarkan standard anda sendiri, anda tidak dapat mendakap orang lain dengan fikiran yang terbuka, memahami dan mengampuni orang lain. Dengan merenung kembali berapa banyak kita memikirkan orang lain terlebih dahulu, kita seharusnya dapat memilih kanan apabila orang lain memilih kiri.





## “Saya sembuh daripada limfadenitis tuberkulosis.”

Diaken Boknam Jang (Usia 56, Misi Kanaan)

Sekitar Mac 2022, terdapat nanah di bawah telinga kiri saya dan keluar lelehan. Apabila saya berjumpa pakar otolaringologi di hospital swasta untuk pemeriksaan, saya telah disahkan menghidap ‘limfadenitis tuberkulosis,’ dan saya disarankan untuk menjalani pembedahan dengan segera. Saya pergi ke hospital umum untuk mendapatkan diagnosis yang lebih tepat.

Apabila saya menunjukkan data dan keputusan imbasan CT yang saya terima daripada hospital swasta, doktor mengatakan bahawa satu daripada 20 limfadenitis pecah dan luka itu perlu dibedah manakala 19 lagi limfadenitis perlu dirawat dengan ubat yang kuat selama enam bulan hingga setahun. Doktor juga mengatakan bahawa oleh sebab ubat itu sangat kuat, saya akan mempunyai najis hitam, dan ia mungkin menjadi kanser kerana usia saya yang tua. Saya sangat terkejut dan takut, tetapi saya menguatkan hati saya dengan memikirkan kasih Tuhan Bapa.

Saya mudah berasa letih akibat limfadenitis. Apabila keadaan menjadi teruk, saya

terpaksa berehat kerana saya terjatuh seolah-olah saya telah pengsan. Dengan berlalunya masa, saya memutuskan untuk disembuhkan dengan iman kerana saya berasa bahawa saya harus bergantung kepada Tuhan dengan sepenuhnya dan tidak kekal dalam keadaan seperti ini.

Pada masa itu, saya mempunyai satu limfadenitis pada sebelah kanan manakala sebelah kiri membengkak seperti limau gedang serta satu lagi limfadenitis hampir pecah. Oleh itu, terdapat dua kesan pada sebelah kiri termasuk satu yang sebelumnya.


Saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel dengan bersungguh-sungguh menjelang Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan November 2022. Saya bertaubat dengan air mata apabila mengenangkan perbuatan salah saya seperti tidak dapat berdoa dengan baik akibat situasi COVID-19 dan leka menonton TV dan YouTube. Saya bertaubat secara menyeluruh tentang betapa saya tidak mempraktikkan firman Tuhan atas alasan tertentu dan mula berubah dengan mempraktikkannya.

Akhirnya, pada 25 November saya menghadiri Ibadat Sepanjang Malam Jumaat yang diadakan sebagai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi melalui GCN dan menerima doa daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor

Kanaan. Saya juga tergerak dalam hati untuk memberikan Tuhan satu juta won sebagai persembahan untuk pembinaan gereja. Kemudian, secara mengejutkan, gejala limfadenitis tuberkulosis hilang sepenuhnya. Haleluyah!

Saya sangat bersyukur dan gembira kerana kesihatan saya pulih dan saya sama sekali tidak berasa letih bukan sahaja dalam melakukan kerja saya malah juga dalam melaksanakan tugas saya sebagai ketua Persatuan Guru Sekolah Minggu.

Dengan rahmat Tuhan, saya sembuh daripada serangan panik pada tahun 2018 dan sembuh daripada benjolan pita suara berusia 30 tahun pada tahun 2022, dan pada bulan Februari 2023, tapak kaki saya yang pecah dengan sel kulit mati yang teruk menjadi bersih setelah saya merendamkannya di dalam Air Muan.



Limfadenitis servikal bilateral dapat dilihat



Telefon: 82-2-824-7107  
www.gcnetv.org  
webmaster@gcnetv.org



Telefon: 82-2-818-7032  
www.manminseminary.org  
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org  
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241  
www.urimbooks.com  
urimbook@hotmail.com